

21 JUN 2002
Mahathir-PAS

UMNO TAK AKAN BERMUZAKARAH DENGAN PAS MENGENAI HUDUD ALA PAS

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Umno tidak akan bermuzakarah dengan PAS berhubung cadangan rang undang-undang hudud di Terengganu kerana ia dibuat atas kepentingan politik dan bukannya kepentingan Islam.

Perdana Menteri berkata cadangan PAS untuk meluluskan undang-undang hudud itu hanyalah semata-mata untuk memperdayakan orang Melayu.

"Kita tak nak bincang. Ia dibuat untuk kepentingan politik PAS, bukan kerana Islam. Kita tak nak bincang dengan dia berkenaan perkara yang tak ada kaitan dengan orang Islam.

"Kita tahu dia (PAS) nak perdayakan orang Melayu. Itu sahaja," kata Presiden Umno itu pada sidang media pada akhir hari kedua Perhimpunan Agung Umno 2002 di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas kesediaan PAS untuk bermuzakarah dengan Umno mengenai cadangan rang undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang dijadual untuk pembentangan di Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 7 Julai.

Dr Mahathir turut mengulas cabaran Timbalan Presiden PAS dan Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang mahu kerajaan menunjukkan bahagian mana rang undang-undang itu yang bercanggah dengan Islam.

Perdana Menteri berkata undang-undang Islam adalah adil dan ia tidak boleh tidak adil sebagaimana undang-undang hudud ala PAS.

Undang-undang hudud ala PAS itu antara lain tidak berlaku adil kepada mangsa rogol yang menghadapi kemungkinan dihukum, kata beliau.

"Undang-undang PAS ini nak mendera mangsa. Jika anda kena samun, anda masuk penjara, penyamun lepas. Itulah undang-undang PAS. Sebab itu kita kata ia tak sama dengan undang-undang Islam.

"Dia tak payah buat undang-undang macam itu. Dalam Al Quran sudah diterangkan berkali-kali bila kamu hukum, hukumlah secara adil. Saya nak tahu kalau Hadi kena samun, kita tangkap Hadi masuk penjara. Dia mahu?" tanya Dr Mahathir.

Mengulas cadangan seorang pembahas pada perhimpunan itu yang mahu kerajaan memantau PAS dengan terperinci kerana ceramahnya dikatakan mempengaruhi kegiatan militan di Malaysia, Dr Mahathir berkata:

"Kita sedar bahawa generasi muda dalam PAS tak percaya melalui sistem demokrasi mereka boleh membentuk kerajaan Malaysia. Sebab itu mereka berpendapat hanya cara untuk merebut kuasa ialah dengan menggunakan keganasan."

Beliau berkata semua yang pergi belajar di Afghanistan dan Pakistan tentang cara-cara untuk menjatuhkan kerajaan melalui keganasan adalah anggota dan pemimpin generasi muda PAS.

"Hubungan memang jelas ada kerana mereka adalah anggota PAS. Tapi kita tak kata ini desakan PAS. Tapi kerana mereka dengar hendak didirikan negara Islam dan mereka tak percaya cara demokrasi boleh, maka mereka guna cara kekerasan," katanya.

Menjawab soalan lain, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang turut menghadiri sidang media itu, berkata kerajaan sudah mempunyai draf kertas putih mengenai kegiatan Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

"Kita (kerajaan) mempunyai draf itu. Siasatan sedang berjalan. Jadi kita tidak mahu untuk menutup siasatan lagi. Dalam kita meneruskannya, kita mendapat semakin banyak maklumat," kata Abdullah.

Dr Mahathir menjelaskan lagi bahawa kerajaan perlu mengambil kira kes-kes mahkamah yang berkaitan sebelum mengeluarkan dokumen itu.

-- BERNAMA

JM MAM ZS RON